

Amir Khusyairi saran SPRM siasat dakwaan Mahathir

UM - 5/9/2020 m/s: 6

IPOH: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaran menyiasat dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa berlaku banyak sogokan wang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim, baru-baru ini.

Calon Bebas yang disokong Dr. Mahathir dalam PRK itu, Amir Khusyairi Mohamad Ta-

nusi berkata, pihak berkuasa seperti SPRM mempunyai kuasa khas untuk menyiasat tanpa menerima laporan.

"Jadi saya harapkan SPRM boleh berbuat sesuatu mengenai hal ini terutamanya membuka kertas siasatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Amir Khusyairi turut berharap ada pihak, khususnya

dalam kalangan pengundi sendiri yang tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa mengenai dakwaan Dr. Mahathir itu.

"Selepas itu kita harapkan ada siasatan yang benar-benar telus dan profesional dibuat," katanya.

Menurutnya, secara peribadi, beliau menerima keputusan

PRK Slim dan pengundi sudah memilih wakil rakyat mereka.

Beliau berkata, namun jika melihat dari sudut budaya sogokan dan beli undi, ia tidak lagi seharusnya berlaku dalam tahun 2020.

"Rakyat kita sepatutnya sudah boleh menilai mana yang baik dan mana yang buruk, bukan terhad kepada wang ringgit

semata-mata," katanya.

Dalam PRK Slim, Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi DUN Slim apabila calonnya, Mohd. Zaidi Aziz menang dengan 10,945 undi.

Amir Khusyairi meraih 2,115 undi manakala seorang lagi calon Bebas, S. Shantarasekaran 276 undi, sekali gus hilang wang deposit.